



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—————
VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—————

Akta 50

AKTA PERUBATAN 1971

Sebagaimana pada 23 Ogos 2022

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Perubatan 1971 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA PERUBATAN 1971

Tarikh Perkenan Diraja	27 September 1971
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	30 September 1971
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 266/2022 yang mula berkuat kuasa pada	23 Ogos 2022

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	<i>1982</i>
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	<i>1993</i>
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	<i>1999</i>
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	<i>2006</i>
<i>Cetakan Semula Yang Kelima</i>	<i>2020</i>

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 50

AKTA PERUBATAN 1971

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

3. Penubuhan Majlis
- 3A. Keanggotaan Majlis
- 3B. Tempoh jawatan
- 3C. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
- 3D. Pengosongan jawatan dan pengisian kekosongan
- 3E. Kuasa Menteri untuk melantik ahli Majlis
- 3F. Hilang kelayakan bagi pencalonan dan pelantikan atau pemilihan
- 3G. Penggantungan ahli Majlis
4. Fungsi Majlis
- 4A. Kuasa Majlis
- 4B. Pelantikan pekerja Majlis
- 4C. Ketua Pegawai Eksekutif
- 4D. Meterai perbadanan

Seksyen

- 4E. Jawatankuasa Majlis
- 4F. Perwakilan fungsi dan kuasa Majlis
- 4G. Penzahiran kepentingan
- 4H. Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia
- 4I. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
- 4J. Pemuliharaan Kumpulan Wang
- 5. Perlindungan Pihak Berkuasa Awam
- 6. Pekhidmat awam
- 7. Jadual Pertama
- 8. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
- 9. Penyata, dsb.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

- 10. Pendaftar
- 11. Daftar Perubatan Malaysia
- 12. Orang yang berhak didaftarkan sementara
- 13. Pengalaman yang dikehendaki diperoleh oleh orang yang didaftarkan sementara
- 14. Orang yang berhak didaftarkan penuh
- 14A. Pengamal perubatan berdaftar yang menjalankan amalan sebagai pakar
- 14B. Orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai pakar
- 14C. Pendaftaran sebagai pakar
- 15. Pengecualian pegawai perubatan tertentu dalam kapal
- 16. Perakuan amalan sementara
- 17. Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat dalam Daftar
- 18. Permohonan untuk pendaftaran
- 19. Sekatan ke atas pendaftaran
- 20. Perakuan amalan tahunan

Seksyen

21. Senarai pengamal perubatan berdaftar penuh yang dikeluarkan kepadanya perakuan amalan tahunan
22. Pertukaran alamat tetap dan penyampaian notis, dsb.
23. Kuasa Majlis untuk membuat catatan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar
24. Penyingkiran nama daripada Daftar
- 24A. Memasukkan semula nama ke dalam Daftar
25. Perubahan dalam Daftar
26. Keistimewaan bagi orang berdaftar penuh
27. Perakuan dan dokumen
28. Takrif

BAHAGIAN IV

PROSIDING TATATERTIB

29. Bidang kuasa tatatertib Majlis
- 29A. Perintah sementara
30. Hukuman tatatertib
31. Rayuan terhadap perintah Majlis
- 31A. Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

BAHAGIAN V

AM

32. Pendaftaran fraud
33. Kesalahan
34. Perubatan Tradisional dan Komplementari
- 34A. Pemeriksaan dan perawatan pesakit oleh penuntut perubatan
- 34B. Tanggungan Kerajaan terhadap tort yang dilakukan oleh pengamal bukan Kerajaan semasa merawat pesakit atas permintaan atau melalui perkiraan dengan Kerajaan
- 34C. Pengamal perubatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah hendaklah disifatkan sebagai Pegawai Perubatan Kerajaan
35. Penalti am

Seksyen

- 35A. Majlis boleh meminta maklumat

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN, KECUALIAN DAN
PEMANSUHAN

36. Peraturan-peraturan
37. Kecualian
38. Pemansuhan

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI
MAKSUD NEGARA

39. Maksud, permulaan kuat kuasa dan tempoh Bahagian ini
40. Notis kepada orang berdaftar penuh supaya berkhidmat dalam jawatan perubatan dalam perkhidmatan awam
41. Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 40(1)
42. Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 41
43. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah
44. Kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 50

AKTA PERUBATAN 1971

Suatu Akta bagi menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan, kawalan dan pengawalseliaan amalan perubatan, bagi membuat peruntukan tertentu berkenaan dengan tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan; dan bagi membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[Seluruh Malaysia—1 Oktober 1971]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan 1971.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya seseorang ahli bagi Majlis Perubatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“berdaftar” ertinya didaftarkan sementara di bawah seksyen 12 atau didaftarkan sepenuhnya di bawah seksyen 14, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“berdaftar penuh” ertinya didaftarkan sepenuhnya di bawah seksyen 14;

“Daftar” ertinya Daftar Perubatan Malaysia di bawah seksyen 11;

“didaftarkan sementara” ertinya didaftarkan sementara di bawah seksyen 12;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“Institut latihan yang diiktiraf” ertinya pemberi pendidikan tinggi sebagai yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] bagi tujuan pendaftaran di bawah seksyen 4 Akta;

“kelayakan pakar yang diiktiraf” ertinya kelayakan yang dianugerahkan oleh mana-mana institut latihan yang diiktiraf;

“kelulusan” ertinya apa-apa diploma, ijazah, *fellowship*, keahlian, lesen, kuasa menjalankan amalan, surat, surat perakuan, perakuan atau taraf atau dokumen lain yang diberikan oleh sesuatu universiti, perbadanan, maktab atau badan lain, atau oleh mana-mana jabatan, atau orang yang bertindak menurut kuasa, kerajaan mana-mana negeri atau tempat di dalam atau di luar Malaysia;

“kemudahan jagaan kesihatan” ertinya mana-mana premis yang dalamnya seorang atau lebih daripada seorang orang awam menerima perkhidmatan jagaan kesihatan;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Majlis yang dilantik di bawah seksyen 4C yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Majlis;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4H;

“latihan *houseman*” ertinya tempoh latihan dalam pengamalan perubatan tetap bagi maksud pendaftaran penuh pengamal perubatan;

“Majlis” ertinya Majlis Perubatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;

“Pakar” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah seksyen 14C;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Pengamal Perubatan yang disebut dalam seksyen 10;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya seseorang pengamal perubatan yang kepadanya dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 atau pendaftaran penuh di bawah seksyen 14;

“pengamal perubatan berdaftar penuh” ertinya seseorang pengamal perubatan yang perakuan pendaftaran penuh dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 14;

“pengamal perubatan berdaftar sementara” ertinya seseorang pengamal perubatan yang dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara kepadanya di bawah seksyen 12;

“perakuan” ertinya sama ada perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran penuh perakuan pendaftaran sebagai seorang pakar, perakuan amalan, perakuan amalan sementara atau apa-apa perakuan lain yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan dikeluarkan di bawah Akta ini;

“perakuan amalan” ertinya perakuan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 20;

“perakuan pengamalan sementara” ertinya perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah seksyen 16;

“perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Perkara 132 Perlembagaan dan, sebagai tambahan, ia juga bererti perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri, dan ungkapan “perkhidmatan awam” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Perlindungan Tanggung Rugi Profesional” ertinya suatu jaminan kewangan bagi seseorang pengamal perubatan berdaftar dalam tindakan liabiliti profesional;

“perubatan tradisional dan komplementari” ertinya suatu bentuk amalan dengan berkaitan kesihatan yang disediakan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal individu dan termasuklah amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati, dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan atau pergigian yang digunakan oleh pengamal perubatan atau pergigian berdaftar;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perubatan Malaysia.

BAHAGIAN II

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

Penubuhan Majlis

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Majlis Perubatan Malaysia” ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Majlis boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk pada dan bagi maksud Akta ini dan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, Majlis boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memajukan, memegang, menjual dan menikmati setiap jenis harta alih dan tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih, yang terletak hak pada Majlis.

Keanggotaan Majlis

3A. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Yang Dipertua;
- (b) sembilan orang pengamal perubatan berdaftar penuh dalam kalangan wakil universiti dan kolej universiti tempatan yang diiktiraf yang dinamakan dalam kalangan ahli fakulti oleh badan pengelola universiti dan kolej universiti tempatan yang diiktiraf dan dilantik oleh Menteri;
- (c) tiga orang pengamal perubatan berdaftar penuh daripada sektor swasta yang dinamakan oleh Majlis dan dilantik oleh Menteri;
- (d) tiga orang pengamal perubatan berdaftar penuh daripada perkhidmatan awam yang dinamakan oleh Ketua Pengarah dan dilantik oleh Menteri;

- (e) lima belas orang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Semenanjung Malaysia yang hendaklah dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
- (f) seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah yang hendaklah dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah; dan
- (g) seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sarawak yang hendaklah dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sarawak.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d) atau dipilih menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) melainkan jika orang itu ialah seorang warganegara Malaysia dan memegang suatu perakuan pengamalan yang semasa dan sah.

(3) Tiada seorang pun layak untuk memilih seseorang ahli di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) melainkan jika orang itu ialah seorang warganegara Malaysia dan memegang suatu perakuan pengamalan yang semasa dan sah.

(4) Pemilihan ahli yang disebut dalam perenggan (1)(e), (f) dan (g) hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(5) Tiada seorang pun boleh berkhidmat sebagai seorang ahli yang dilantik dan dipilih pada masa yang sama.

(6) Seseorang boleh dilantik sebagai ahli di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) walaupun dahulunya dia telah menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g).

(7) Bagi maksud seksyen ini, “bermastautin” merujuk kepada tempat amalan utama seperti yang dinyatakan dalam perakuan pengamalan yang semasa dan sah bagi pengamal perubatan itu.

Tempoh jawatan

3B. (1) Tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan atau mengosongkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) hendaklah layak untuk dilantik semula atau dipilih semula.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

3C. (1) Pelantikan mana-mana ahli Majlis di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri setelah berunding dengan Yang Dipertua.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau yang dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Yang Dipertua.

Pengosongan jawatan dan pengisian kekosongan

3D. (1) Jawatan seseorang ahli Majlis hendaklah menjadi kosong jika—

(a) dia meninggal dunia;

(b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat pun atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—

- (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda);
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut atau sekiranya dia menghadiri kurang daripada lima puluh peratus mesyuarat dalam sesuatu tahun tanpa kebenaran Yang Dipertua;
- (f) namanya telah dipotong daripada Daftar atau telah disingkirkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia;
- (g) peletakan jawatannya diterima oleh Yang Dipertua;
- (h) dia tidak lagi bermastautin dalam bahagian kawasan yang memilikinya; atau
- (i) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) meninggal dunia sebelum tamat tempoh jawatannya, atau meletakkan jawatannya, atau dengan cara lain terhenti menjadi ahli oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menggantikan tempatnya menurut peruntukan yang terpakai dalam hal orang yang meninggal dunia atau meletakkan

jawatan atau terhenti menjadi ahli bagi baki tempoh yang orang itu mungkin akan memegang jawatan jika dia tidak meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau terhenti menjadi ahli.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), kekosongan jawatan mana-mana ahli yang dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) tidak boleh diisi bagi baki tempoh tersebut yang kematian, peletakan jawatan atau pemberhentian daripada menjadi ahli itu berlaku dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh yang penggal jawatannya akan tamat secara luput masa.

(4) Majlis tidak terhalang daripada melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini oleh sebab apa-apa kekosongan dalam keahliannya.

Kuasa Menteri untuk melantik ahli Majlis

3E. (1) Jika mana-mana badan atau orang yang disebut dalam perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g) tidak, pada tarikh yang ditetapkan, menamakan atau memilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, seseorang untuk menjadi ahli Majlis, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti orang itu seseorang yang berkelayakan untuk dinamakan atau dipilih sebagai ahli dan mana-mana orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai menjadi ahli seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh badan atau orang itu.

(2) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa dan sehingga masa apabila ahli yang disebut dalam perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f), dan (g) dinamakan atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti mereka masing-masing mana-mana orang yang berkelayakan untuk dinamakan atau dipilih dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai ahli seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih dengan sewajarnya di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) dan (g).

Hilang kelayakan bagi pencalonan dan pelantikan atau pemilihan

3F. (1) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh tidak layak untuk dinamakan, dilantik atau dipilih menjadi ahli di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g) jika—

- (a) dia telah didapati bersalah oleh suatu mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan denda kepada atau sebagai ganti denda); atau
- (b) dia menjadi bankrap; atau
- (c) pada bila-bila masa namanya telah dipotong daripada Daftar atau telah disingkirkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia.

(2) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang namanya telah digantung dari Daftar, atau yang telah dikenakan celaan di bawah seksyen 30 adalah tidak layak untuk dinamakan, dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g)—

- (a) dalam hal sesuatu penggantungan, untuk suatu tempoh enam tahun selepas tamat penggantungan sedemikian; atau
- (b) dalam hal sesuatu celaan, untuk suatu tempoh enam tahun dari tarikh celaan sedemikian dikenakan.

(3) Jika seseorang ahli yang telah dicalonkan dan dilantik atau dipilih di bawah Akta ini tidak layak dicalonkan dan dilantik atau dipilih di bawah Akta ini, dia hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan kedudukannya.

Penggantungan ahli Majlis

3G. (1) Jika Majlis dalam menjalankan bidang kuasa tata tertibnya di bawah Akta ini—

- (a) melantik suatu jawatankuasa bagi menjalankan penyiasatan permulaan; atau
- (b) mengadakan siasatan tata tertib,

berkenaan dengan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang menjadi ahli Majlis, ahli itu hendaklah digantung keahliannya dalam Majlis.

(2) Penggantungan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah—

- (a) dalam hal suatu penyiasatan permulaan, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya penyiasatan itu; atau
- (b) dalam hal suatu siasatan tata tertib, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya siasatan itu.

(3) Jika apabila tamatnya sesuatu penyiasatan permulaan itu Majlis memutuskan bahawa suatu siasatan tata tertib hendaklah diadakan, tempoh penggantungan seseorang ahli hendaklah diteruskan sehingga tamat siasatan tata tertib itu.

(4) Seseorang ahli Majlis yang digantung di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan segera dikembalikan semula kedudukannya sebagai ahli jika apabila tamat penyiasatan permulaan atau siasatan tata tertib itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis mendapati bahawa tiada apa-apa kesalahan telah dibuktikan berkenaan dengan ahli itu.

(5) Seseorang ahli Majlis yang hendak dikembalikan semula kedudukannya menurut subseksyen (4) hendaklah, jika pengembalian semula kedudukannya itu akan berkuat kuasa sebelum tamat tempoh jawatannya, dikembalikan semula kedudukan untuk memegang jawatan bagi tempoh jawatannya yang belum tamat.

Fungsi Majlis

4. Majlis hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

- (a) mendaftar pengamal perubatan; dan
- (b) mengawal selia amalan perubatan.

Kuasa Majlis

4A. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua benda yang perlu atau suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau yang bersampingan dengan penjalanan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Majlis termasuklah kuasa untuk—

- (a) memastikan peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturannya ditadbirkan, dikuatkuasakan, dilaksanakan, dijalankan dan dipatuhi;
- (b) mengawal selia standard amalan pengamal perubatan berdaftar;
- (c) mengawal selia tatakelakuan dan etika profesional pengamal perubatan berdaftar;
- (d) meluluskan atau menolak apa-apa permohonan bagi pendaftaran atau pemerakuan mengikut Akta ini atau peraturan-peraturannya;
- (e) menentukan apa-apa fi atau denda yang kena dibayar;
- (f) mengeluarkan perakuan;
- (g) meminjam atau menjana wang dari semasa ke semasa melalui overdraf bank atau dengan cara lain bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam seksyen ini; dan

- (h) mengiktiraf dan mengakreditasi kelayakan perubatan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 bagi tujuan pendaftaran.

Pelantikan pekerja Majlis

4B. (1) Majlis boleh melantik atau menggaji apa-apa bilangan pekerja yang difikirkan perlu oleh Majlis, yang hendaklah dibayar apa-apa saraan, elaun dan faedah, dan yang pelantikan atau penggajiannya hendaklah atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Majlis bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak dilantik atau digaji sebagai pekerja Majlis jika dia, secara langsung atau tidak langsung, sendiri atau melalui rakan kongsinya mempunyai apa-apa bahagian atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Majlis.

Ketua Pegawai Eksekutif

4C. (1) Yang Dipertua hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Majlis hendaklah meletakhakkan apa-apa kuasa pada dan mengenakan apa-apa kewajipan ke atas Ketua Pegawai Eksekutif sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha Majlis dan bertanggungjawab bagi—

- (a) keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Majlis;
- (b) pelaksanaan keputusan dan arahan Majlis;
- (c) pengurusan fungsi, program, pekerja dan sumber lain Majlis; dan

(d) penyediaan pelan strategik dan bajet untuk pertimbangan Majlis.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Majlis.

(5) Dalam menjalankan kewajipannya di bawah seksyen ini, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Majlis.

(6) Yang Dipertua, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik mana-mana pegawai Majlis untuk menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif—

(a) jika bagi apa-apa tempoh Ketua Pegawai Eksekutif tidak berupaya, oleh sebab penyakit, bercuti atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan tugasnya; atau

(b) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.

Meterai perbadanan

4D. (1) Meterai perbadanan Majlis hendaklah mempunyai suatu peranti yang diluluskan oleh Majlis dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis dan hendaklah ditentusahkan sama ada oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan ditentusahkan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh Majlis atau seseorang pekerja Majlis yang diberi kuasa oleh Majlis bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Majlis hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Jawatankuasa Majlis

4E. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis boleh memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Kuorum bagi apa-apa jawatankuasa itu ialah tiga, melainkan jika ditentukan oleh Majlis selainnya.

(5) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(6) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(7) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Yang Dipertua Majlis.

(8) Majlis boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk pada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Majlis.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Ahli sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Majlis selepas berunding dengan Menteri.

Pewakilan fungsi dan kuasa Majlis

4F. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat perundangan subsidiari, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang ahli Majlis; atau
- (c) suatu jawatankuasa.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi dan kuasa itu adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan

sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Penzahiran kepentingan

4G. Seseorang ahli Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 4E yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Majlis atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Majlis atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia

4H. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia” yang hendaklah dikawal dan ditadbirkan oleh Majlis ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
- (b) semua fi dan caj yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Majlis mengikut Akta ini;
- (c) semua wang yang diperoleh daripada perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis mengikut Akta ini;

- (d) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Majlis;
- (e) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Majlis;
- (f) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa hal yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya; dan
- (g) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Majlis di bawah Akta ini, termasuk bunga.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

4i. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Majlis;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain ahli Majlis, ahli jawatankuasa dan pekerja Majlis;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan perunding, fi dan kos guaman dan fi dan kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sah oleh Majlis dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini; dan
- (d) secara amnya, membayar apa-apa belanja lain bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemuliharaan Kumpulan Wang

4J. Menjadi kewajipan Majlis untuk memulihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Majlis mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Perlindungan Pihak Berkuasa Awam

5. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen Majlis mengenai apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang demikian itu.

Pekhidmat awam

6. Semua ahli Majlis, semasa menjalankan kewajipan sebagai ahli Majlis, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Jadual Pertama

7. (1) Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Majlis dan prosidingnya.

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, meminda Jadual Pertama melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan

8. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan am yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini atau dengan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan itu.

Penyata, dsb.

9. Majlis hendaklah memberi Menteri semua penyata, laporan, akaun dan maklumat yang dikehendaki olehnya dari semasa ke semasa berkenaan dengan kegiatannya.

BAHAGIAN III**PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN****Pendaftar**

10. (1) Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar Pengamal Perubatan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Pendaftar.

Daftar Perubatan Malaysia

11. (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disimpan dalam bentuk yang ditetapkan suatu daftar pengamal perubatan bernama Daftar Perubatan Malaysia yang hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pendaftar bertanggungjawab bagi penyenggaraan dan penyimpanan Daftar itu mengikut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya.

(3) Daftar itu hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen awam mengikut pengertian Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

Orang yang berhak bagi pendaftaran sementara

12. (1) Tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya, seseorang berhak didaftarkan sementara sebagai seorang pengamal perubatan, semata-mata bagi maksud memperoleh pengalaman yang dinyatakan dalam seksyen 13, apabila membuat permohonan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan jika—

(a) dia mempunyai—

(i) mana-mana daripada kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Jadual Kedua yang diberikan oleh sesuatu institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelulusan itu dalam ruang kedua dalam Jadual itu untuk suatu tempoh pengiktirafan yang hendaklah ditentukan oleh Majlis; atau

(ii) kelulusan dalam perubatan dan pembedahan -selain kelulusan yang disebut dalam subperenggan (i), yang disifatkan oleh Menteri sebagai sesuai untuk pendaftaran selepas berunding dengan Majlis;

(aa) dalam hal seseorang yang mempunyai kelulusan yang disebut dalam subperenggan (a)(ii), dia telah lulus peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan atau dinyatakan bagi maksud perenggan ini oleh suatu badan yang diluluskan oleh Menteri;

(aaa) dia seorang warganegara atau suami atau isteri seorang warganegara atau seorang penduduk tetap;

(b) dia mengemukakan kepada Pendaftar keterangan dengan memuaskan hati Pendaftar bahawa, dengan syarat dia didaftarkan sementara, dia telah dipilih—

(i) untuk pekerjaan di bawah subseksyen 13(2) atau bahawa dia layak dikecualikan daripadanya di bawah subseksyen 13(6).

(ii) (*Dipotong oleh Akta A840*).

(c) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia layak dan mempunyai akhlak yang baik.

(2) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, membuat tambahan kepada Jadual Kedua itu, memotong atau meminda Jadual Kedua itu melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Suatu permohonan bagi pendaftaran sementara sebagai pengamal perubatan hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk dan cara yang ditetapkan dan disertai dengan dokumen dan butir-butir dan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Pengalaman yang dikehendaki diperoleh oleh orang yang didaftarkan sementara

13. (1) Tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya, seseorang yang didaftarkan sementara dikehendaki memperoleh pengalaman sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) supaya berhak memohon pendaftaran penuh di bawah seksyen 14.

(1A) Bagi maksud subseksyen (2) hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kelayakan Perubatan yang terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Yang Dipertua sebagai Pengerusi;
- (b) empat orang ahli Majlis yang dinamakan daripada dan mewakili universiti tempatan dan kolej universiti yang diiktiraf dan dilantik oleh Pengerusi;
- (c) empat orang wakil daripada Kementerian Kesihatan; dan
- (d) empat orang ahli Majlis yang lain yang dinamakan daripada mereka yang tidak mewakili universiti tempatan dan kolej universiti yang diiktiraf dan dilantik oleh Pengerusi.

(2) Orang yang didaftarkan sementara hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan sementara, menjalankan pekerjaan sebagai perubatan tetap dengan memuaskan hati Jawatankuasa Kelayakan Perubatan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dalam suatu hospital atau institusi di Malaysia yang diluluskan oleh Jawatankuasa tersebut bagi maksud pekerjaan itu; empat bulan daripada tempoh itu hendaklah dihabiskan dalam jawatan pembedahan tetap, empat bulan dalam jawatan perubatan tetap dan empat bulan dalam jawatan obstetrik dan ginekologi tetap; apabila tamat perkhidmatan yang memuaskan, sebagaimana yang diperakui oleh Jawatankuasa Kelayakan Perubatan, di bawah perenggan ini, orang yang didaftarkan sementara itu berhak mendapat suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Majlis dalam borang yang ditetapkan yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) *(Dipotong oleh Akta A840).*

(4) Jika, atas permohonan yang bermaksud sedemikian, seseorang memuaskan hati Majlis bahawa oleh sebab kehilangan upaya anggotanya atau apa-apa sebab lain yang ditentukan oleh Majlis yang berlarutan dia tidak akan dapat atau telah terhalang daripada memulakan, atau menyempurnakan apa-apa tempoh pengalaman dalam amalan pembedahan atau obstetrik dan ginekologi yang dikehendaki bagi maksud subseksyen (2), Majlis boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya pemohon boleh bagi maksud itu mengira sebagai gantinya pengalaman dalam amalan perubatan (sebagai tambahan kepada apa yang dikehendaki selainnya dalam halnya bagi maksud itu) yang diperoleh dengan cara sedemikian itu dan bagi tempoh sedemikian itu, atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi sekian lama daripada tempoh itu yang masih belum disempurnakan.

(4A) Walau apa pun perenggan 12(1)(aaa), Majlis boleh mempertimbangkan mana-mana orang yang bukan warganegara dan bukan suami atau isteri seorang warganegara yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana institut latihan tempatan yang diiktiraf untuk didaftarkan sementara bagi maksud untuk mendapatkan pengalaman yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(5) *(Dipotong oleh Akta A840).*

(6) Majlis boleh mengecualikan daripada subseksyen (2) mana-mana orang yang mempunyai mana-mana daripada kelulusan yang disebut dalam perenggan 12(1)(a) jika Majlis berpuas hati bahawa orang itu telah memperoleh pengalaman yang tidak kurang dari segi jenis dan bidang dan lamanya daripada pengalaman yang disebut dalam subseksyen (2):

Dengan syarat bahawa jika Majlis berpuas hati selanjutnya bahawa pengalaman itu telah diperoleh dalam sesuatu institusi atau hospital yang diluluskan oleh institusi yang memberikan kelulusan itu, Majlis hendaklah mengecualikan orang itu daripada subseksyen (2):

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika pengalaman yang telah diperoleh dalam sesuatu institusi atau hospital yang diluluskan oleh institusi yang memberikan kelulusan itu adalah hanya sebahagian daripada jenis dan bidang yang disebut dalam subseksyen (2), Majlis boleh mengecualikan orang itu daripada subseksyen (2) berkenaan dengan hanya bahagian tempoh pengalaman yang dikehendaki di bawah subseksyen itu sahaja sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(7) Seseorang yang didaftarkan sementara hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan penuh di bawah Akta ini setakat yang perlu—

- (a) untuk membolehkannya memulakan dan menjalankan pekerjaan dan perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (2); dan
- (b) bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,

tetapi tidak bagi apa-apa maksud lain.

(8) Seseorang yang didaftarkan sementara hendaklah, selama tempoh pekerjaan di bawah subseksyen (2), disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan.

(9) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai pekerjaan dalam jawatan sebagai perubatan tetap hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan

mengenai pekerjaan dalam amalan perubatan, jika orang yang berkenaan itu menetap di hospital atau institusi di mana dia bekerja atau berdekatan dengannya, dan menurut terma pekerjaannya, dia dikehendaki menetap sedemikian.

Orang yang berhak didaftarkan penuh

14. (1) Tertakluk pada Akta ini, tiada seorang pun berhak didaftarkan penuh sebagai seorang pengamal perubatan di bawah Akta ini melainkan jika—

- (a) dia telah didaftarkan sementara di bawah seksyen 12;
- (b) dia mengemukakan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 13(2); dan
- (c) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia layak dan mempunyai akhlak yang baik.

(2) Permohonan untuk pendaftaran penuh sebagai seorang pengamal perubatan hendaklah dibuat kepada Majlis dalam bentuk dan dengan cara yang ditetapkan dan disertai dengan apa-apa dokumen atau dan butir-butir dan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2A) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang boleh berdaftar penuh di bawah seksyen ini tertakluk pada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis jika—

- (a) orang itu berhasrat untuk mengajar, melakukan penyelidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kepakaran di bawah apa-apa program latihan yang diiktiraf di mana-mana institut latihan yang diiktiraf;
- (b) orang itu memiliki kemahiran perubatan atau pembedahan yang difikirkan oleh Majlis sebagai bertaraf antarabangsa atau mempunyai nilai khusus kepada negara; atau
- (c) orang itu memiliki kelulusan yang pada pendapat Majlis adalah mencukupi, selagi dia terus melibatkan dirinya secara

khusus dalam pengajaran, penyelidikan atau pengajian lepas ijazah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2B) Pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen (2A) hendaklah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan boleh dibaharui mengikut budi bicara Majlis untuk beberapa tempoh lanjut, yang setiap satunya tidak melebihi satu tahun.

(2C) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen (2A) jika orang itu didapati telah melanggar apa-apa syarat pendaftarannya.

(3) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, mana-mana orang boleh didaftarkan sepenuhnya di bawah seksyen ini tertakluk pada apa-apa sekatan dan syarat, termasuklah kelulusan, lokasi, tempat dan jenis amalan dengan syarat bahawa orang yang memohon pendaftaran di bawah subseksyen ini memiliki kelulusan yang berkenaan dengannya Menteri, selepas berunding dengan Majlis, berpuas hati bahawa ia memadai.

Pengamal perubatan berdaftar yang menjalankan amalan sebagai pakar

14A. (1) Tiada seorang pun yang namanya belum dimasukkan ke dalam Daftar boleh menjalankan amalan sebagai seorang pakar dalam bidang kepakaran itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada bidang kuasa tatatertib Majlis.

Orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai pakar

14B. Seseorang berhak untuk didaftarkan sebagai seorang pakar di bawah Akta ini jika—

(a) dia telah berdaftar penuh di bawah seksyen 14;

- (b) dia telah menghadiri latihan kepakaran dalam bidang kepakaran itu di institut latihan yang diiktiraf;
- (c) dia memegang suatu kelayakan kepakaran yang diiktiraf; dan
- (d) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia adalah layak dan mempunyai akhlak yang baik.

Pendaftaran sebagai pakar

14C. (1) Majlis hendaklah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 18(1) dan boleh menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat atau dokumen lanjut untuk menyokong permohonan itu.

(2) Jika Majlis memutuskan untuk meluluskan permohonan itu, Majlis hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya memasukkan nama pemohon ke dalam Daftar.

(3) Majlis boleh menolak untuk mendaftarkan mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Jika Majlis menolak untuk mendaftarkan pemohon di bawah subseksyen (3), Majlis hendaklah dengan segera menyampaikan suatu notis penolakan kepada pemohon itu, berserta dengan alasan baginya.

Pengecualian pegawai perubatan tertentu dalam kapal

15. Semua doktor bedah kapal semasa menjalankan kewajipan mereka hendaklah dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta ini dan berhak kepada semua keistimewaan pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah Akta ini.

Perakuan amalan sementara

16. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini, Majlis boleh, atas permohonan bertulis, mengeluarkan kepada

seseorang yang berdaftar sebagai pengamal perubatan di luar Malaysia suatu perakuan pengamalan sementara, tertakluk pada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam perakuan itu.

(1A) Majlis boleh menolak permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(1B) Perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah sah selama tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan.

(1C) Suatu perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh dibaharui atas permohonan yang dibuat dalam bentuk dan cara dan apabila dibayar fi yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Orang yang kepadanya telah dikeluarkan perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang pengamal perubatan berdaftar.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) jika orang yang berdaftar itu didapati telah melanggar apa-apa syarat atau sekatan pendaftarannya.

(4) Majlis hendaklah menyenggara suatu rekod mengenai semua perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan.

(5) Mana-mana orang yang menjalankan amalan tanpa perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan
- (b) berkenaan dengan kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(6) Dalam hal kesalahan yang berterusan, orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan sebagai tambahan kepada penalti di bawah masing-masing perenggan 5(a) dan (b).

Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat dalam Daftar

17. (1) Tiada apa-apa ijazah atau kelulusan boleh dicatatkan dalam Daftar, sama ada pada pendaftaran kali pertama atau sebagai tambahan kepada nama berdaftar, melainkan jika Pendaftar berpuas hati mengikut apa-apa keterangan yang difikirkannya patut bahawa orang yang mengaku mempunyai ijazah atau kelulusan itu adalah berhak kepadanya.

(2) Tiap-tiap orang yang telah didaftarkan di bawah Akta ini yang memperoleh mana-mana kelulusan perubatan selain kelulusan yang telah membolehkan dia didaftarkan boleh memohon kepada Majlis supaya Daftar itu dipinda setakat yang berkaitan dengan kelulusan orang itu, dan atas apa-apa permohonan itu, Majlis hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon itu berhak kepada kelulusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat dan bahawa kelulusan itu mempunyai taraf yang mencukupi untuk dicatatkan dalam Daftar, menyebabkan supaya Daftar itu dipinda dengan sewajarnya dengan memasukkan di dalamnya butir-butir kelulusan itu.

(3) Majlis mempunyai kuasa untuk memutuskan ijazah tinggi dan kelulusan tambahan yang boleh diterima untuk dicatatkan dalam Daftar.

Permohonan bagi pendaftaran

18. (1) Mana-mana orang yang berhak didaftarkan di bawah Akta ini boleh membuat permohonan kepada Pendaftar untuk didaftarkan dengan sewajarnya.

(2) Permohonan untuk didaftarkan itu hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara atau bentuk dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen, butir-butir dan fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

Sekatan ke atas pendaftaran

19. (1) Jika mana-mana orang yang memohon untuk didaftarkan telah—

- (a) didapati bersalah pada bila-bila masa atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda); atau
- (b) selepas siasatan yang sewajarnya oleh Lembaga Disiplin, didapati bersalah kerana salah laku profesional; atau
- (c) selepas siasatan oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan yang dilantik oleh Majlis, didapati tidak berupaya untuk menjalankan tugas profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikal atau apa-apa keadaan perubatan yang lain,

Majlis boleh mengarahkan Pendaftar supaya tidak memasukkan nama orang itu dalam Daftar.

(2) Pendaftar hendaklah segera memberitahu secara bertulis orang yang berkenaan itu mengenai arahan Majlis tidak membenarkan nama orang itu dimasukkan dalam Daftar.

(3) Apabila apa-apa penyiasatan dijalankan di bawah perenggan (1)(b), pemohon berhak hadir di hadapan Majlis dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam cara.

Perakuan amalan tahunan

20. (1) Mana-mana orang berdaftar penuh yang berhasrat untuk mengamal sebagai seorang pengamal perubatan selepas tiga puluh satu hari bulan Disember dalam mana-mana tahun dan yang mengemukakan keterangan yang dia telah memenuhi apa-apa kehendak atau sekatan yang ditetapkan oleh Majlis hendaklah, tidak lewat daripada hari pertama bulan Disember tahun itu, membuat permohonan dalam bentuk yang ditetapkan, mengemukakan keterangan mengenai perlindungan tanggung rugi profesional dan membayar fi yang ditetapkan bagi perakuan untuk mengamal sebagai pengamal perubatan semasa tahun yang berikutnya.

(2) Apabila menerima permohonan dan bayaran itu, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan (bernama “perakuan amalan tahunan”) dengan terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis yang membenarkan pemohon menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk pada Akta ini, perakuan amalan tahunan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga 31 Disember dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(4) Mana-mana orang berdaftar penuh yang tidak memohon perakuan amalan tahunan mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), boleh, apabila membuat permohonan dalam borang dan menjelaskan bayaran fi tambahan sebagaimana yang ditetapkan, diberi perakuan amalan tahunan bagi tahun yang berikutnya, jika permohonan itu dibuat dalam bulan Disember dalam sesuatu tahun, atau bagi baki tahun itu, jika permohonan itu dibuat pada atau selepas 1 Januari dalam sesuatu tahun.

(5) Apabila didaftarkan penuh di bawah seksyen 14, orang yang berhasrat untuk mengamal sebagai pengamal perubatan itu hendaklah mematuhi subseksyen (1).

(6) Sesuatu perakuan amalan tahunan dan sesuatu permohonan untuk perakuan itu hendaklah menyatakan alamat tempat utama amalan dan semua tempat amalan yang lain bagi pemohon, kecuali

dalam hal seseorang pengamal perubatan berdaftar tanpa sesuatu tempat amalan tetap (*locum tenens*) yang hakikat itu hendaklah dinyatakan sedemikian dan diluluskan oleh Majlis, dan apa-apa jua pertukaran tentang alamat itu hendaklah diberitahukan oleh pengamal kepada Pendaftar dan suatu catatan mengenai pertukaran itu dalam perakuan amalan tahunan diperoleh daripada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

(7) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang menjalankan amalan perubatan dan yang—

- (a) tidak mempunyai perakuan amalan tahunan yang semasa dan sah bagi dirinya;
- (b) berkongsi dengan seorang berdaftar penuh yang tidak mempunyai perakuan itu;
- (c) bekerja dengannya seorang berdaftar penuh yang tidak mempunyai perakuan itu; atau
- (d) diambil bekerja untuk menjalankan suatu amalan perubatan bagi pihak seseorang yang tidak mempunyai perakuan itu,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan dia tidak berhak menuntut apa-apa fi, upah, perbelanjaan atau kos yang dilakukan semasa dia atau mana-mana orang lain sebagaimana yang disebut terdahulu tidak mempunyai perakuan amalan tahunan.

Senarai pengamal perubatan berdaftar penuh yang dikeluarkan kepadanya perakuan pengamalan tahunan

21. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu senarai atau senarai-senarai nama, alamat, kelulusan, tarikh kelulusan dan tarikh pendaftaran penuh semua orang yang dikeluarkan kepadanya perakuan pengamalan tahunan bagi tahun itu.

(2) Senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung dalamnya.

(3) Perakuan itu yang ditandatangani oleh Pendaftar mengenai butir-butir yang terdapat dalam Daftar berkenaan dengan mana-mana orang hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai butir-butir itu.

Pertukaran alamat tetap dan penyampaian notis, dsb.

22. (1) Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah memberitahu apa-apa pertukaran tentang alamat tetap kediaman atau amalannya kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada bidang kuasa tata tertib Majlis.

(3) Jika apa-apa notis atau surat menyurat hendak disampaikan atau dihantar kepada seseorang pengamal perubatan berdaftar, ia hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dihantar kepadanya jika notis atau surat menyurat itu disampaikan atau dihantar melalui pos kepada alamat terakhirnya yang diketahui.

Kuasa Majlis untuk membuat catatan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar

23. Jika Majlis telah membuat apa-apa perintah terhadap seseorang pengamal perubatan atau berpuas hati bahawa mana-mana orang yang namanya terdapat dalam Daftar telah mati atau tidak lagi menjalankan amalan perubatan di dalam Malaysia, Majlis hendaklah membuat catatan yang sewajarnya bersetentangan dengan namanya dalam Daftar.

Penyingkiran nama daripada Daftar

24. (1) Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang yang didaftar sementara di bawah seksyen 12—

(a) tidak atau tidak lagi menghadiri latihan *houseman*; atau

- (b) telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya,

Majlis boleh membatalkan pendaftaran sementara orang itu dan memerintahkan supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Majlis boleh mengeluarkan daripada Daftar nama mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh yang—

- (a) dibuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa orang itu telah mati;
- (b) dibuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa orang itu tidak berupaya, oleh sebab kelemahan fizikal atau mental, atau sangat tidak kompeten, untuk menjalankan kewajibannya sebagai seorang pengamal perubatan;
- (c) tidak memohon kepada Pendaftar bagi pembaharuan perakuan pengamalannya selama enam tahun berturut-turut;
- (d) telah didaftarkan atas kesilapan tentang kelulusannya untuk pendaftaran, dan pada masa pendaftarannya tidak berhak untuk didaftarkan;
- (e) telah didaftarkan dengan cara fraud;
- (f) telah melanggar atau mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis;
- (g) telah tamat tempoh atau kontraknya dengan Kerajaan Malaysia atau apa-apa badan atau organisasi bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan dan diluluskan oleh Majlis; atau
- (h) pendaftarannya telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia atau daripada mana-mana daftar profesional yang disenggarakan di mana-mana tempat di dalam atau luar Malaysia,

dan hendaklah membuat catatan yang sewajarnya bersetentangan dengan nama pengamal perubatan itu dalam Daftar.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* nama setiap pengamal perubatan yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar.

(4) Bagi maksud memuaskan hatinya bahawa mana-mana pengamal perubatan berdaftar tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya sebagai seorang pengamal perubatan di bawah perenggan (2)(b), Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Kelayakan Mengamal yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan berdaftar, yang salah seorang daripada mereka hendaklah seorang pakar yang berkaitan dengan penyakit itu, untuk menyiasat setiap kes dan untuk membuat apa-apa syor sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Jawatankuasa itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Jawatankuasa Kelayakan Mengamal boleh membuat syor kepada Majlis supaya sekatan dikenakan dalam penjalanan tugas oleh pengamal perubatan berdaftar itu.

Memasukkan semula nama ke dalam Daftar

24A. (1) Jika nama seseorang pengamal perubatan telah dikeluarkan daripada Daftar menurut seksyen 24, dia boleh memohon kepada Majlis supaya namanya dimasukkan semula ke dalam Daftar.

(2) Majlis boleh, menurut budi bicaranya, atas permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), memerintahkan supaya nama pemohon itu dimasukkan semula ke dalam Daftar atau menolak kemasukan semula nama itu dengan memberikan alasan baginya.

(3) Mana-mana orang yang telah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta ini di bawah perenggan 24(2)(b) tidak boleh dimasukkan semula namanya melainkan jika dia telah diakui layak oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal.

(4) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk kemasukan semula nama itu.

(5) Mana-mana orang yang permohonannya ditolak di bawah subseksyen (2) boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(6) Keputusan Menteri adalah muktamad.

Perubahan dalam Daftar

25. (1) Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa, memasukkan dalam Daftar—

- (a) apa-apa perubahan yang mungkin diketahui olehnya tentang nama atau alamat mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa perubahan tentang kelulusan, kelulusan tambahan dan butir-butir lain yang dikehendaki diubah di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa, memotong daripada Daftar nama orang-orang itu sebagaimana yang dikehendaki dipotong di bawah Akta ini.

Keistimewaan bagi orang berdaftar penuh

26. (1) Tiap-tiap orang yang pada masa itu ada namanya dalam Daftar sebagai berdaftar penuh di bawah Akta ini adalah berhak, mengikut kelulusan orang itu, menjalankan amalan perubatan mengikut peruntukan Akta ini dan menuntut dalam perjalanan undang-undang caj yang munasabah kerana bantuan, nasihat dan lawatan profesional dan nilai apa-apa ubat atau nilai apa-apa perkakas perubatan atau perkakas pembedahan yang diberikan, dibuat atau dibekalkan olehnya kepada pesakitnya, dengan syarat bahawa pada

masa menjalankan mana-mana perbuatan itu dia mempunyai suatu perakuan amalan tahunan yang berkuat kuasa.

(2) Tertakluk pada seksyen 15, 16 dan 34, tiada seorang pun berhak untuk menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pada tarikh caj itu terakru dia seorang pengamal perubatan berdaftar dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa.

Perakuan dan dokumen

27. Tiada perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan yang berkelulusan dengan sewajarnya yang diberikan selepas Akta ini mula berkuat kuasa boleh menjadi sah melainkan jika ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan berdaftar penuh.

Takrif

28. Perkataan “pengamal perubatan yang berkelulusan di sisi undang-undang” atau “pengamal perubatan yang berkelulusan dengan sewajarnya” atau apa-apa perkataan yang bererti seseorang diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang pengamal perubatan atau seorang ahli profesion perubatan, apabila digunakan dalam mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan orang itu, hendaklah ditafsirkan sebagai bererti seorang pengamal perubatan berdaftar penuh.

BAHAGIAN IV

PROSIDING TATATERTIB

Bidang kuasa tatatertib Majlis

29. (1) Majlis hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua orang yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas mana-mana orang berdaftar yang—

- (a) disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas mana-mana kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda);
- (aa) kelulusannya telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa penganugerah yang melaluinya kelulusan itu diperoleh atau yang daripadanya kelulusan itu dianugerah;
- (b) dikatakan telah melakukan salah laku profesional yang serius sebagaimana yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Profesional dan mana-mana garis panduan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Majlis;
- (c) telah mendapatkan pendaftaran secara fraud atau salah nyataan;
- (d) tidak berhak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
- (e) namanya telah dikeluarkan daripada daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di luar Malaysia.

(3) Majlis hendaklah menubuhkan suatu cara termasuk menubuhkan Panel Disiplin, untuk menyiasat aduan atau maklumat yang diterima terhadap seseorang pengamal perubatan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, Panel Tatatertib bermaksud suatu panel, yang ahlinya hendaklah dilantik oleh Majlis dan yang daripadanya ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib hendaklah diambil.

Perintah sementara

29A. (1) Jika selepas siasatan yang sewajarnya mengenai apa-apa aduan atau maklumat yang dirujuk kepada, Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan orang awam atau

selainnya demi kepentingan awam, atau demi kepentingan seseorang pengamal perubatan berdaftar, pendaftarannya hendaklah digantung atau dijadikan tertakluk pada syarat-syarat, Lembaga itu boleh membuat perintah—

- (a) supaya pendaftarannya dalam daftar yang berkenaan digantung bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah itu (disebut dalam Bahagian ini sebagai perintah penggantungan sementara); atau
- (b) supaya pendaftarannya diteruskan atas kepatuhannya, semasa apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah itu, terhadap apa-apa kehendak yang difikirkan oleh Lembaga Tatatertib patut dikenakan (disebut dalam Bahagian ini sebagai perintah bagi sekatan pendaftaran sementara).

(2) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu pemberitahuan mengenai perintah di bawah subseksyen (1) kepada pengamal perubatan berdaftar itu.

(3) Tertakluk pada subseksyen (1), jika Lembaga Tatatertib telah membuat perintah di bawah seksyen ini, Lembaga Tatatertib itu atau Lembaga Tatatertib yang lain yang dilantik untuk menggantikan tempatnya—

- (a) hendaklah menyemak semula perintah itu dalam tempoh enam bulan bermula dari tarikh perintah itu dibuat, dan hendaklah selepas itu, selagi perintah itu terus berkuat kuasa, mengkaji semula perintah itu selanjutnya sebelum berakhirnya tempoh tiga bulan bermula pada tarikh keputusan kajian semula yang sebelumnya; dan
- (b) boleh mengkaji semula perintah itu apabila keterangan baru yang berkaitan dengan perintah itu telah diperoleh selepas perintah itu dibuat.

(4) Jika suatu perintah penggantungan sementara atau suatu perintah sekatan pendaftaran sementara telah dibuat di bawah seksyen

ini berhubung dengan mana-mana orang, Lembaga Tatatertib yang membuat perintah itu atau Lembaga Tatatertib yang dilantik untuk menggantikan tempatnya di bawah subseksyen (3) boleh—

- (a) membatalkan perintah itu atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh perintah itu;
- (b) membuat perintah mengubah apa-apa syarat yang dikenakan oleh perintah itu;
- (c) jika berpuas hati bahawa adalah perlu dilakukan bagi perlindungan orang awam atau selainnya demi kepentingan awam, atau demi kepentingan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan, atau bahawa pengamal perubatan berdaftar itu tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan sebagai syarat bagi pendaftaran dalam perintah sekatan pendaftaran sementara, menggantikan perintah itu dengan perintah penggantungan sementara yang berkuat kuasa bagi baki tempoh perintah sekatan pendaftaran sementara itu; atau
- (d) jika berpuas hati bahawa kepentingan awam atau kepentingan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan memadai dipenuhi dengan perintah sekatan pendaftaran sementara, menggantikan penggantungan sementara itu dengan perintah sekatan pendaftaran sementara bagi baki tempoh perintah yang dahulu.

(5) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu pemberitahuan mengenai keputusan di bawah subseksyen (4) kepada pengamal perubatan berdaftar itu.

(6) Lembaga Tatatertib boleh memohon kepada Yang Dipertua supaya perintah di bawah subseksyen (1) dilanjutkan, dan boleh memohon pelanjutan seterusnya.

(7) Atas permohonan itu, Yang Dipertua boleh melanjutkan (atau melanjutkan seterusnya) tempoh perintah itu berkuat kuasa sehingga enam bulan.

(8) Suatu perintah penggantungan sementara atau suatu perintah sekatan pendaftaran sementara hendaklah berkuat kuasa sehingga—

(a) berakhirnya tempoh yang ditetapkan dalam perintah itu atau, jika dilanjutkan di bawah subseksyen (7), dalam perintah pelanjutannya; atau

(b) tarikh tamatnya prosiding,

yang mana-mana lebih awal.

(9) Semasa pendaftaran seseorang dalam Daftar digantung oleh sebab suatu perintah penggantungan sementara, dia tidak boleh disifatkan sebagai berdaftar walaupun namanya masih terdapat dalam Daftar.

(10) Sebaik tamat tempoh atau pembatalan perintah itu, hak dan keistimewaan orang itu sebagai pengamal perubatan berdaftar hendaklah dikembalikan semula dari tarikh tamat tempoh atau pembatalan itu, dengan syarat dia telah mematuhi semua terma perintah itu.

(11) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang terkilang dengan keputusan Lembaga Tatatertib atau Yang Dipertua di bawah seksyen ini boleh merayu secara bertulis kepada Menteri.

(12) Menteri boleh mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan Lembaga Tatatertib atau Yang Dipertua.

(13) Keputusan Menteri atas apa-apa rayuan di bawah subseksyen (11) adalah muktamad dan mengikat.

Hukuman tatatertib

30. (1) Majlis boleh, dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

(a) mencela pengamal perubatan itu;

- (b) memerintahkan supaya pendaftaran pengamal perubatan itu tertakluk pada syarat yang boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, satu atau lebih daripada yang berikut:
- (i) supaya pengamal perubatan itu mendapatkan rawatan perubatan;
 - (ii) supaya apa-apa syarat yang berhubungan dengan amalan perubatan pengamal perubatan itu sebagaimana yang difikirkannya sesuai dikenakan ke atas pendaftaran pengamal perubatan itu;
 - (iii) supaya pengamal perubatan itu menjalani kursus atau program pendidikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis; atau
 - (iv) supaya pengamal perubatan itu melaporkan mengenai amalan perubatannya kepada mana-mana pengamal perubatan atau orang sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (c) memerintahkan supaya nama pengamal perubatan itu digantung daripada Daftar bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut;
- (d) membuat apa-apa perintah dalam perenggan (c) tetapi menanggungkan pelaksanaan perintah itu, tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu tempoh, atau tempoh-tempoh yang agregatnya, tidak melebihi dua tahun; atau
- (e) memerintahkan supaya nama mana-mana pengamal perubatan itu dipotong daripada Daftar.

(2) Majlis juga boleh mengenakan denda sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subseksyen (1).

(3) Tiada seorang pengamal perubatan pun yang boleh mengamal sebagai pengamal perubatan semasa tempoh penggantungan di bawah perenggan (1)(c).

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) akan tertakluk pada prosiding tatatertib selanjutnya.

(5) Majlis boleh, dalam mana-mana hal, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkaitan dengan pembayaran kos kepada Pendaftar dan mana-mana pengadu atau seseorang pengamal perubatan, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh dituntut sebagai hutang sivil.

Rayuan terhadap perintah Majlis

31. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu perintah yang dibuat berkenaan dengannya oleh Majlis pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah Tinggi boleh, apabila rayuan itu dibuat, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah perintah yang dirayu itu atau boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya patut dalam perkara itu; kos rayuan itu hendaklah terpulang kepada budi bicara Mahkamah Tinggi.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1443*).

(3) Amalan berhubung dengan sesuatu rayuan itu hendaklah tertakluk pada kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai di Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa rayuan terhadap sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 30 melainkan jika notis mengenai rayuan itu telah diberikan dalam masa satu bulan selepas perintah itu disampaikan mengikut cara yang ditetapkan.

Kemasukan semula nama ke dalam Daftar

31A. (1) Tiada seorang pun yang namanya telah dipotong daripada Daftar di bawah perenggan 30(1)(e) berhak kemudiannya didaftarkan sebagai seorang pengamal perubatan di bawah peruntukan Akta ini, tetapi Majlis boleh, jika difikirkannya patut dalam sesuatu hal untuk berbuat demikian, atas permohonan orang yang berkenaan itu, memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula ke dalam Daftar dengan syarat bahawa suatu tempoh selama tiga tahun telah luput sejak perintah tersebut dibuat; dan jika nama seseorang itu telah digantung daripada Daftar di bawah perenggan 30(1)(c), orang itu berhak apabila tamat tempoh penggantungan itu, tetapi tidak lebih awal, untuk memohon supaya perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan (jika tempoh yang baginya ia dikeluarkan masih belum tamat) dikembalikan kepadanya.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara atau dalam apa-apa bentuk dan disertai dengan apa-apa dokumen, fotograf, butir-butir dan fi sebagaimana yang ditetapkan.

BAHAGIAN V

AM

Pendaftaran fraud

32. Tiap-tiap orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan dengan cara fraud supaya dirinya atau mana-mana orang lain didaftarkan dengan membuat atau mengemukakan, atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan, apa-apa pernyataan atau akuan palsu atau fraud, sama ada secara lisan atau bertulis, melakukan suatu kesalahan terhadap Akta itu dan boleh, apabila disabitkan, berkenaan dengan kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan berkenaan dengan kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan-kesalahan

33. (1) Mana-mana orang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta ini yang—

- (a) secara sengaja dan palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini atau sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan;
- (b) secara sengaja dan palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran seorang pakar perubatan, doktor perubatan, pengamal perubatan dan pembedahan bertauliah, sarjana muda perubatan, pakar bedah, pengamal am atau apotekari;
- (c) secara sengaja dan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang memberi faham bahawa dia didaftarkan di bawah Akta ini, atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang pakar perubatan atau pakar bedah atau pengamal perubatan dan pembedahan bertauliah atau seorang pengamal dalam perubatan atau seorang apotekari;
- (d) secara sengaja dan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan, atau menggunakan apa-apa alat, yang dimaksudkan untuk mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden;
- (e) menjalankan amalan perubatan atau pembedahan;
- (f) menggunakan istilah “klinik” atau “dispensari” atau “hospital” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan ini dalam mana-mana bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya yang berupa sebagai menjalankan amalan perubatan atau pembedahan sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Akta ini; atau
- (g) menggunakan sesuatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis untuk kegunaan pengamal perubatan berdaftar sahaja,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, berkenaannya dengan kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan berkenaannya dengan kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) pengambilan atau penggunaan oleh mana-mana orang perkataan “dokter” atau “klinik” atau “dispensari” atau “hospital” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan mana-mana perkataan ini dalam mana-mana bahasa lain berhubung dengan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan hendaklah disifatkan sebagai pemakaian atau penggunaan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden; dan
- (b) tertakluk pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 36(2)(p), penggunaan oleh mana-mana orang dalam menjalankan amalan perubatan atau pembedahan akan *sphygmomanometer*, *stethoscope*, *hypodermic syringe* atau alat lain yang digunakan oleh orang yang berkelulusan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden, hendaklah disifatkan sebagai penggunaan alat yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden.

Perubatan Tradisional dan Komplementari

34. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tiada apa-apa dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai menyentuh hak mana-mana orang di bawah mana-mana

undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, yang bukan seseorang yang memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden, untuk mengamalkan perubatan tradisional atau komplementeri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada seorang pun, melainkan jika dia seorang pengamal perubatan berdaftar, boleh mengemukakan dirinya sebagai berkelulusan, layak atau sanggup untuk menjalankan rawatan penyakit mata manusia atau menetapkan ubat bagi penyakit itu, atau memberikan nasihat berkaitan dengan rawatan penyakit itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dikira sebagai melarang seseorang yang bukan seorang pengamal perubatan berdaftar daripada mengemukakan dirinya sebagai berkelulusan, kompeten atau sanggup untuk menguji pembiasan, ketajaman penglihatan dan penglihatan warna, atau membuat atau mengadakan cermin mata atau perkakas optik lain bagi maksud mengubati kecacatan penglihatan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Pemeriksaan dan perawatan pesakit oleh penuntut perubatan

34A. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini, adalah sah bagi mana-mana orang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan di—

- (a) mana-mana Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*]; atau
- (b) mana-mana institusi pendidikan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga,

untuk menjalankan, semasa mengikuti kursus pengajian itu, apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan pesakit di mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud seksyen ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dengan syarat bahawa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan amalan tahunan semasa dan sah.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), tiada institusi pendidikan boleh dinyatakan dalam Jadual Ketiga melainkan jika—

- (a) ia ialah suatu institusi pendidikan yang didaftarkan di bawah *Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran suatu institusi pendidikan; dan
- (b) ia bergabung dengan mana-mana institusi yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua bagi maksud memberikan penuntut institusi pendidikan itu kelulusan yang dinyatakan yang terdapat bersetentangan dengan institusi itu.

(3) Mana-mana kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang disenggarakan dan dikendalikan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) tidak boleh bertanggungjawab bagi apa-apa kecederaan, kehilangan atau kerosakan am semulajadi terhadap mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata akibat daripada apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau rawatan pesakit di bawah subseksyen (1) oleh seseorang yang sedang menjalani kursus pembelajaran dalam perubatan atau pembedahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1); dengan syarat tiada apa-apa dalam subseksyen ini boleh dianggap sebagai memberi orang atau Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pembelajaran yang diluluskan itu di mana dia sedang menjalani kursus pengajian siswazah atau mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pembelajaran yang diluluskan itu apa-apa kekebalan daripada apa-apa liabiliti bagi kecederaan, kehilangan atau kerosakan itu.

*CATATAN—Akta ini telah menggantikan Akta Pelajaran 1961 [*Akta 43/1961*] – lihat seksyen 155 Akta 550.

(4) Menteri boleh meminda Jadual Ketiga melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tanggungjawab Kerajaan terhadap tort yang dilakukan oleh pengamal bukan Kerajaan semasa merawat pesakit atas permintaan atau melalui perkiraan dengan Kerajaan

34B. Seseorang pengamal perubatan yang memegang suatu perakuan amalan tahunan semasa yang sah, yang bukan seorang pegawai awam dan yang, atas permintaan atau melalui perkiraan dengan Kerajaan, menjalankan apa-apa penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan mengenai mana-mana pesakit dalam mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan Kerajaan hendaklah, semasa menjalankan penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan itu, disifatkan sebagai seorang pegawai awam bagi maksud seksyen 5 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*]; dan walau apa pun peruntukan subseksyen 6(4) Akta itu, prosiding boleh dibawa terhadap Kerajaan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau kemungkiran yang telah dibuat atau dilakukan oleh pengamal itu semasa menjalankan atau berkaitan dengan penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan itu.

Pengamal perubatan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah hendaklah disifatkan sebagai Pegawai Perubatan Kerajaan

34C. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar di bawah seksyen 14 dan yang bukan seorang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam untuk menjalankan mana-mana daripada fungsi yang berikut, iaitu—

- (a) penyiasatan, pemeriksaan, perawatan atau pengurusan mana-mana pesakit; atau
- (b) melaksanakan sesuatu autopsi atau penyiasatan *post-mortem* ke atas mana-mana orang yang mati,

di dalam mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan.

(1A) Ketua Pengarah Kesihatan boleh mewakili kuasanya di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana Pengarah Kesihatan Negeri atau pegawai yang setaraf.

(2) Seseorang pengamal perubatan yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) atau (1A) untuk melaksanakan apa-apa fungsi yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah disifatkan sebagai seorang Pegawai Perubatan Kerajaan bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan mana-mana undang-undang berkaitan yang lain di Malaysia.

Penalti am

35. (1) Mana-mana orang yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada sesuatu penalti tertentu diperuntukkan boleh, apabila disabitkan, dikenakan—

(a) bagi kesalahan kali pertama, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan

(b) bagi kesalahan kali kedua atau kemudiannya, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan sebagai tambahan kepada penalti di bawah perenggan (1)(a) dan (b) itu masing-masing.

Majlis boleh meminta maklumat

35A. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, meminta apa-apa maklumat dikehendaki olehnya supaya diberikan oleh mana-mana orang yang namanya berada dalam Daftar dan orang itu hendaklah memberikan maklumat itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia dikehendaki untuk berbuat demikian.

(2) Tiap-tiap orang yang namanya berada dalam Daftar hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari apa-apa perubahan dalam maklumat yang telah diberikannya kepada Majlis, memberitahu Majlis mengenai perubahan itu.

(3) Seseorang pengamal perubatan berdaftar yang tidak mematuhi subseksyen (1) berkenaan dengan dirinya melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN, KECUALIAN DAN PEMANSUHAN

Peraturan-peraturan

36. (1) Tertakluk pada Akta ini, Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini, dan pada amnya bagi melaksanakan tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang disebut terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) kewajipan Pendaftar;
- (b) bentuk Daftar, cara bagaimana ia disimpan dan juga kandungannya;
- (c) fi yang hendaklah dibayar mengenai permohonan dan prosiding di bawah Akta ini dan mengenai perakuan dan dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa pengecualian daripadanya sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Majlis;
- (d) borang dan cara bagaimana permohonan untuk pendaftaran dan untuk perakuan amalan tahunan hendaklah dibuat;
- (e) bentuk bagi sesuatu perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki bagi melaksanakan maksud Akta ini;

- (f) cara membuktikan kelulusan dalam perubatan dan pembedahan;
- (g) pengurusan harta Majlis dan pengauditan akaunnya;
- (h) kewajipan yang hendaklah dijalankan oleh Setiausaha;
- (i) pengeluaran perakuan perubatan mengenai sakit atau kematian;
- (j) tatacara bagi pemilihan ahli Majlis;
- (k) cara bagaimana Majlis mendapatkan nasihat undang-undang, hal mengadakan penasihat undang-undang bagi Majlis, kelulusan dan fungsi penasihat undang-undang itu dan saraan yang hendaklah dibayar kepada mereka;
- (l) tatacara bagi pelantikan jawatankuasa atau lembaga Majlis;
- (m) tatacara mesyuarat, siasatan dan prosiding lain Majlis, Lembaga atau Jawatankuasa;
- (n) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib di bawah Akta ini;
- (o) nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang boleh atau tidak boleh dibenarkan dipakai atau digunakan oleh orang yang mengamalkan Perubatan Tradisional dan Komplementari;
- (p) pengecualian daripada pemakaian perenggan 33(2)(b) berkenaan dengan penggunaan alat tertentu oleh orang atau golongan orang tertentu, tertakluk pada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang ditentukan;
- (q) syarat atau sekatan yang hendaklah dikenakan ke atas perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran penuh, perakuan pendaftaran penuh bagi pengamal perubatan berdaftar yang terlatih dalam bidang kepakaran, perakuan pengamalan sementara dan perakuan pengamalan tahunan;

- (r) penyimpanan Daftar, rekod, laporan dan dokumen dan borang dan isi kandungannya;
- (s) bentuk perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran, perakuan pengamalan sementara dan pembaharuan perakuan pengamalan;
- (t) bentuk dan cara bagi menjalankan peperiksaan bagi maksud kemasukan ke dalam Daftar;
- (u) bentuk dan cara bagi mengiktiraf institusi latihan dan kelulusan yang dianugerahkan oleh institusi latihan yang diiktiraf;
- (v) latihan *houseman*, syarat yang di bawahnya latihan amali pelatih atau pelajar hendaklah dijalankan dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan latihan dan kelulusan pengamal perubatan;
- (w) bentuk dan cara meluluskan pengamal perubatan yang terlatih dalam bidang kepakaran;
- (x) tatacara bagi penubuhan Panel Tatatertib yang daripadanya ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib diambil;
- (y) penerimaan aduan atau maklumat yang menyentuh apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menentukan sama ada suatu siasatan akan dijalankan atau tidak;
- (z) tatacara bagi siasatan oleh Lembaga Tatatertib;
- (aa) pembentukan Jawatankuasa Kelayakan Mengamal bagi aduan atau maklumat berkaitan dengan pengamal perubatan berdaftar yang tidak kompeten dari segi profesional atau terjejas kerana ketidakmampuan fizikal atau mental;
- (bb) pembentukan Jawatankuasa Penilaian bagi maksud penilaian dan pendaftaran pengamal perubatan;

- (cc) pembentukan Jawatankuasa Etika untuk menasihati Majlis tentang isu yang berhubungan dengan etika;
- (dd) apa-apa jawatankuasa lain bagi maksud Akta ini; dan
- (ee) apa-apa perkara lain bagi melaksanakan matlamat dan maksud Akta ini.

Kecualian

37. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiap-tiap pengamal perubatan yang telah didaftarkan (kecuali didaftarkan sementara) sebaik sebelum Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 [*P.U. (A)11/1971*] mula berkuat kuasa di bawah Ordinan Pendaftaran Perubatan 1952 Negeri-Negeri Tanah Melayu [*P.T.M. 69 tahun 1952*], Ordinan Pendaftaran Perubatan Sabah [*Bab 76*] atau Ordinan Pendaftaran Perubatan Sarawak [*Bab 112*] atau yang telah diambil bekerja di Sabah oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri Sabah sebagai Pegawai Perubatan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah peruntukan Akta ini dan hendaklah disifatkan sebagai mempunyai perakuan amalan tahunan berkenaan dengan baki tahun Akta ini mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan seseorang pengamal perubatan yang telah didaftarkan (kecuali didaftarkan sementara) sebaik sebelum Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 mula berkuat kuasa di bawah perenggan 9(1)(c) atau subseksyen 9(2) Ordinan Pendaftaran Perubatan 1952 Negeri-Negeri Tanah Melayu atau perenggan 5(1)(d) Ordinan Pendaftaran Perubatan Sarawak, dia hendaklah disifatkan sebagai pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah peruntukan Akta ini hanya setakat pendaftarannya dan tertakluk pada syarat dan sekatan yang berkuat kuasa berkenaan dengan pendaftarannya di bawah Ordinan-Ordinan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak yang tersebut itu masing-masing:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa berkenaan dengan seseorang pengamal perubatan yang telah dikecualikan daripada pendaftaran sebaik sebelum Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971

mula berkuat kuasa menurut kuasa perenggan 17(e) Ordinan Pendaftaran Perubatan Sabah, dia berhak apabila membuat permohonan kepada Pendaftar untuk didaftarkan penuh di bawah Akta ini tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap orang yang sebelum Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 mula berkuat kuasa—

- (a) telah didaftarkan sementara di bawah peruntukan mana-mana Ordinan Pendaftaran Perubatan yang disebut dalam subseksyen (1); atau
- (b) telah menjalani suatu tempoh perkhidmatan di bawah perenggan 10(d) Ordinan Pendaftaran Perubatan 1952 Negeri-Negeri Tanah Melayu atau perenggan 5(1)(e) Ordinan Pendaftaran Perubatan Sarawak,

hendaklah disifatkan didaftarkan sementara di bawah seksyen 12 Akta ini dan hendaklah tertakluk pada subseksyen 13(1) Akta ini:

Dengan syarat, bagaimana pun, bahawa—

- (a) apa-apa tempoh pekerjaan dalam jawatan perubatan tetap yang mungkin telah dijalani olehnya hendaklah dikira sebagai tambahan kepada tempoh pekerjaan dalam jawatan perubatan tetap yang disebut dalam subseksyen 13(2) Akta ini.
- (b) (*Dipotong oleh Akta A840*).

(3) Tiap-tiap orang yang sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa telah didaftarkan di bawah mana-mana Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 hendaklah disifatkan telah didaftarkan di bawah peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, dan Akta ini hendaklah terpakai baginya dengan cara yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah peruntukan itu terpakai baginya jika dia telah memperoleh pendaftaran di bawah peruntukan yang bersamaan yang tersebut dalam Akta ini.

(4) Mana-mana perakuan (termasuklah sesuatu perakuan amalan tahunan), notis, permohonan, dokumen lain, kaedah, perintah, peraturan, arahan, pengecualian, tempoh pekerjaan atau perkhidmatan, prosiding, pelantikan, atau perbuatan yang dikeluarkan, diberikan, disampaikan, dibuat, dibenarkan, dijalani, diambil atau dilakukan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa di bawah mana-mana peruntukan Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 hendaklah, jika ia boleh dikeluarkan, diberikan, disampaikan, dibuat, dibenarkan, dijalani, diambil atau dilakukan di bawah mana-mana peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, terus berkuat kuasa, dan mempunyai kuat kuasa yang serupa, seolah-olah ia telah dikeluarkan, diberikan, disampaikan, dibuat, dibenarkan, dijalani, diambil atau dilakukan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Menteri boleh melalui kaedah-kaedah membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud mengatasi apa-apa kesukaran disebabkan oleh mula berkuat kuasanya Akta ini atau dalam pemakaian subseksyen (1) hingga (4), dan apa-apa kaedah boleh dibuat supaya berkuat kuasa dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa; dan subseksyen (1) hingga (4) hendaklah dengan sewajarnya disifatkan sebagai tertakluk pada subseksyen ini.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen (1) hingga (5), jika sebaik sebelum Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 mula berkuat kuasa seseorang telah disifatkan didaftarkan di bawah seksyen 30 Ordinan Pendaftaran Perubatan 1952 Negeri-Negeri Tanah Melayu, orang itu tidak boleh disifatkan didaftarkan di bawah Akta ini melainkan jika dalam tempoh enam bulan dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa—

- (a) dia membuat suatu permohonan bertulis kepada Pendaftar supaya disifatkan didaftarkan di bawah Akta ini; dan
- (b) dia memuaskan hati Pendaftar bahawa sebaik sebelum tarikh Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 mula berkuat kuasa dia telah—
 - (i) pada lazimnya bermastautin di Semenanjung Malaysia; dan

- (ii) sebenarnya bertugas menjalankan amalan perubatan atau pembedahan di Semenanjung Malaysia,

dan jika dia telah memuaskan hati Pendaftar sedemikian, dia hendaklah disifatkan didaftarkan di bawah Akta ini tertakluk pada kelulusan, syarat dan sekatan yang sama seperti yang telah berkuat kuasa berkenaan dengannya di bawah seksyen 30 tersebut itu:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, dalam sesuatu hal tertentu, jika difikirkannya patut dan munasabah untuk berbuat demikian, melanjutkan tempoh enam bulan itu setakat yang difikirkannya sesuai dalam hal keadaannya:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pendaftar boleh, menurut budi bicara mutlakinya, dalam apa-apa hal atau hal-hal tertentu, jika dia mendapat tahu bahawa dalam hal atau hal-hal itu orang yang berkenaan itu telah, pada bila-bila masa sebelum dari tarikh Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 mula berkuat kuasa, disifatkan didaftarkan di bawah seksyen 30 itu dan telah pada lazimnya bermastautin di Semenanjung Malaysia dan sebenarnya bertugas menjalankan amalan perubatan atau pembedahan di Semenanjung Malaysia, menyifatkan orang itu sebagai didaftarkan di bawah Akta ini, walau pun orang itu telah tidak membuat permohonan supaya disifatkan didaftarkan sedemikian.

Pemansuhan

38. Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971, Ordinan Pendaftaran Perubatan 1952 Negeri-Negeri Tanah Melayu, Ordinan Pendaftaran Perubatan Sabah dan Ordinan Pendaftaran Perubatan Sarawak dengan ini dimansuhkan.

*BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI
MAKSUD NEGARA**Maksud, permulaan kuat kuasa dan tempoh Bahagian ini**

39. (1) Diisytiharkan bahawa Bahagian ini diperbuat bagi maksud negara.

(2) Bahagian ini hendaklah terhenti berkuat kuasa jika Parlimen, melalui ketetapan yang diluluskan oleh setiap Majlis Parlimen dan disiarkan dalam *Warta*, memperuntukkan bahawa Bahagian ini tidak akan berkuat kuasa lagi.

Notis kepada orang berdaftar penuh supaya berkhidmat dalam jawatan perubatan dalam perkhidmatan awam

40. (1) Tiap-tiap orang yang memperoleh pendaftaran penuh di bawah Akta ini hendaklah sebaik sahaja didaftarkan sepenuhnya atau pada bila-bila masa kemudiannya disampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah yang menghendaki orang itu supaya memegang jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam dan pada sesuatu tarikh, dalam setiap hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Seseorang yang disampaikan kepadanya suatu notis disampaikan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis itu dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Sebaik sahaja pertuduhan di bawah subseksyen (2) atau di bawah seksyen 41 dibuktikan dalam mahkamah terhadap mana-mana orang, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 14 hendaklah disifatkan sebagai terbatal, dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu daripada Daftar.

*CATATAN—Bahagian ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 01-10-1986—lihat subseksyen 12(1) Akta A840.

(4) (a) Jika nama seseorang dipotong daripada Daftar di bawah subseksyen (3), nama orang itu tidak boleh dimasukkan semula ke dalam Daftar kecuali atas arahan yang diberikan oleh Menteri, dan Menteri boleh memberikan arahan itu apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh orang yang namanya telah dipotong daripada Daftar.

(b) Mana-mana arahan yang diberikan sedemikian boleh dibuat tertakluk pada penunaian apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, dan terma dan syarat yang menghendaki orang itu berkhidmat dalam jawatan perubatan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi suatu tempoh terus-menerus yang berjumlah tidak kurang daripada dua tahun dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana satu perkhidmatan awam atau lebih sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya.

(c) Semasa orang itu sedang menunaikan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini, dia hendaklah disifatkan didaftarkan penuh setakat yang perlu untuk menunaikan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini dan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, tetapi tidak bagi apa-apa maksud lain; dan apabila terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini telah ditunaikan, dia berhak mendapatkan suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sebagai keterangan mengenainya.

(5) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (4) supaya dimasukkan semula sesuatu nama ke dalam Daftar adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah jua pun.

(6) Jika sesuatu notis di bawah subseksyen (1) telah disampaikan kepada seseorang yang boleh disampaikan kepadanya notis itu, Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa membatalkan notis itu dan, jika difikirkannya patut, menyebabkan supaya suatu notis selanjutnya di bawah subseksyen (1) disampaikan kepadanya.

Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 40(1)

41. Seseorang yang mula berkhidmat dalam sesuatu jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam menurut notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 40(1) hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan tersebut atau dalam apa-apa jawatan kemudiannya yang lain sama ada dalam perkhidmatan awam itu juga atau dalam mana-mana perkhidmatan awam yang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya bagi suatu tempoh terus menerus yang berjumlah tidak kurang daripada dua tahun dengan memuaskan hati Ketua Pengarah dan jika dia tidak berbuat demikian, dia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 41

42. (1) Menteri boleh—

- (a) berkenaan dengan mana-mana orang tertentu;
- (b) secara am berkenaan dengan mana-mana golongan orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya;
- (c) secara am, berkenaan dengan semua orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya,

memberikan apa-apa pengurangan yang difikirkannya sesuai atau pengecualian penuh daripada tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 41.

(2) Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh mana-mana orang yang kena menjalani tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 41, memberi orang itu penangguhan daripada memulakan perkhidmatan itu selama apa-apa tempoh yang difikirkannya sesuai jika dia berpuas hati bahawa adalah adil dan munasabah untuk berbuat demikian itu.

(3) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (2) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah jua pun.

Menteri boleh membuat kaedah-kaedah

43. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan tujuan dan maksud Bahagian ini.

Kecualian

44. (1) Apa-apa jua yang telah dilakukan di bawah seksyen 40, 41, 42 atau 43 Ordinan No. 65 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1971 hendaklah disifatkan telah dilakukan di bawah seksyen 40, 41, 42 atau 43, masing-masing, Akta ini dan hendaklah, terus berjalan kuat kuasa dan berkuat kuasa dengan sewajarnya di bawah seksyen masing-masing Akta ini.

(2) Subseksyen 37(4) dan (5) hendaklah terpakai bagi Bahagian ini dan dalam pemakaian sedemikian, peruntukan itu hendaklah ditafsirkan sebagai meluaskan subseksyen (1).

(3) Tiada apa jua pun dalam subseksyen (1) boleh mempunyai kuat kuasa untuk menjadikan mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa penalti berkenaan dengan apa-apa peninggalan untuk mematuhi, atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan yang berlawanan dengan subseksyen 40(2) dan seksyen 41.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 7]

PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG
BERHUBUNGAN DENGAN MAJLIS**Yang Dipertua Majlis dan tatacara mesyuarat**

1. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Yang Dipertua Majlis.

(2) Yang Dipertua, jika hadir, hendaklah menjadi Pengerusi dalam mesyuarat Majlis:

Dengan syarat bahawa jika Yang Dipertua tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat Majlis, ahli yang hadir dalam mesyuarat itu hendaklah memilih seorang dalam kalangan mereka untuk bertindak sebagai pengerusi mesyuarat itu.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis adalah dua belas orang, dan keputusan Majlis hendaklah melalui majoriti mudah ahli yang hadir dan yang mengundi.

(4) Tiap-tiap ahli Majlis yang hadir berhak kepada satu undi.

(5) Pengerusi mana-mana mesyuarat hendaklah mempunyai satu undi biasa dan jika atas apa-apa persoalan terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi mempunyai undi pemutus.

(6) Majlis boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihati Majlis atas apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(7) Seseorang yang dijemput di bawah perenggan (6) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

(8) Tiap-tiap mesyuarat Majlis yang berkenaan dengan prosiding yang minit mesyuarat telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan sewajarnya dan semua ahli yang hadir dalam mesyuarat itu layak bertindak sewajarnya.

(9) Minit mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti lanjut.

(10) Tertakluk pada Akta ini, Majlis boleh membuat perintah tetap untuk mengawal selia tatacaranya sendiri secara amnya, dan khususnya, berhubung dengan pengadaan mesyuarat, notis yang hendak diberikan mengenai mesyuarat itu,

prosiding mesyuarat, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.

Mesyuarat Majlis

2. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun; dan suatu mesyuarat hendaklah diadakan dalam bulan Mac setiap tahun untuk menerima dan menerima pakai penyata kira-kira tahunan yang telah diaudit.

(1A) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan melalui notis bertulis oleh Yang Dipertua kepada ahli yang lain dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika tidak kurang daripada sepuluh orang ahli menulis surat kepada Yang Dipertua meminta dia memanggil mesyuarat Majlis bagi maksud yang dinyatakan, Yang Dipertua hendaklah memanggil mesyuarat itu dalam masa satu bulan selepas permintaan itu diterima.

(2A) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis secara bertulis mengenai mesyuarat yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah diberikan kepada ahli.

(3) *(Dipotong oleh Akta A1443).*

(4) Apabila mana-mana kekosongan berlaku dalam kalangan ahli, Majlis hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengambil tindakan yang perlu bagi mengisi kekosongan itu.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1443).*

(6) Hendaklah dibayar kepada semua ahli Majlis apa-apa fi bagi menghadiri mesyuarat Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dan apa-apa belanja perjalanan dan elaun sara diri yang munasabah bagi kehadiran dan perjalanan yang dibuat dalam menunaikan tugas di bawah Akta ini atau apa-apa belanja lain yang ditentukan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri dari semasa ke semasa.

(7) *(Dipotong oleh Akta A1443).*

3. *(Dipotong oleh Akta A1443).*

4. *(Dipotong oleh Akta A1443).*

5. *(Dipotong oleh Akta A1443).*

JADUAL KEDUA

[Subperenggan 12(1)(a)(i)]

SENARAI KELULUSAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
Malaysia ...	MAHSA University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 6 Jun 2014)
	Universiti Kuala Lumpur-Royal College of Medicine Perak	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 10 Jun 2012)
	AIMST University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 17 Ogos 2007)
	Universiti Teknologi MARA	Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (diiktiraf pada 10 April 2008)
		Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (diiktiraf pada 25 Februari 2013)
	Universiti Malaysia Sabah	Ijazah Doktor Perubatan (diiktiraf pada 26 Mei 2008)
	UCSI University	Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 26 Mac 2010)
	University of Cyberjaya (dahulunya dikenali sebagai Cyberjaya University College of Medical Sciences)	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 29 Julai 2010)
	Universiti Sains Islam Malaysia	Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri (diiktiraf pada 11 Januari 2011)
	Management and Science University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 23 April 2011)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Universiti Tunku Abdul Rahman	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (Diiktiraf pada 29 Januari 2015)
	Taylor's University	Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery – MBBS (diiktiraf pada 28 Mei 2015)
	SEGi University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 30 Julai 2015)
	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 2 Jun 2016)
	Lincoln University College	Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 6 Oktober 2016)
	Asia Metropolitan University (AMU)	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 30 April 2017)
	Quest International University (QIU) (dahulunya dikenali sebagai QUEST International University Perak (QUIP))	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 25 Mei 2017)
	WIDAD University College	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 10 Ogos 2017)
	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH (KUIN)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Universiti Perdana	Doktor Perubatan
	University of Malaya	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery or Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Universiti Kebangsaan Malaysia	Doktor Perubatan
	Universiti Sains Malaysia	Doctor of Medicine
	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Doctor of Medicine (M.D.) (Diiktiraf pada 15 Mei 2000)
	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Doctor of Medicine (M.D.) (Diiktiraf pada 5 Jun 2001)
	Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (M.B.B.S) (Diiktiraf pada 19 Februari 2002)
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (M.B.B.S) (Diiktiraf pada 14 Mei 2002)
	Universiti Sultan Zainal Abidin	Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (Diiktiraf pada 7 Ogos 2014)
	Kolej Universiti Manipal Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Manipal Academy of Higher Education (MAHE): Kolej Perubatan Melaka-Manipal)	Bachelor of Medicine & Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 9 Julai 2013)
Afrika Selatan ...	University of Pretoria, Pretoria	Baccalaureus in Medicine Science and Surgery
	University of Witwatersrand, Johannesburg	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBChB)
	Medical University of Southern Africa (MEDUNSA), Medunsa	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBChB)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	University of Orange Free State, Bloemfontein	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBChB)
	University of Cape Town, Cape Town	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBChB)
	University of Stellenbosch, Stellenbosch	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBChB)
Australia ...	University of New South Wales	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Sydney	Bachelor of Medicine; Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Queensland	Doctor of Medicine
	The University of Adelaide	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 15 Januari 1971) Bachelor of Medical Studies and Doctor of Medicine (diiktiraf pada 19 November 2020)
	University of Melbourne	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 15 Januari 1971) Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 21 Jun 2011)
	Monash University, Victoria	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Honours) (diiktiraf pada 1 Julai 2010)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
		Bachelor of Medical Science and Doctor of Medicine (diiktiraf pada 19 Disember 2017)
University of Western Australia		Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 15 Januari 1971)
		Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 26 November 2013)
	University of Tasmania	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	Flinders University of South Australia	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 11 Julai 1986)
		Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 25 Jun 2013)
University of Western Sydney		Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 2 Jun 2008 hingga 7 Julai 2016)
	Western Sydney University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 8 Julai 2016)
		Doctor of Medicine (diiktiraf pada 24 November 2017)
	The University of Newcastle	Bachelor of Medicine (diiktiraf pada 27 Julai 1996)
		Bachelor of Medical Science and Doctor of Medicine (diiktiraf pada 20 Oktober 2016)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
Austria ...	Medical University of Vienna	Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 23 Ogos 2005)
Bangladesh ...	University of Dhaka: Dhaka Medical College	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 8 Februari 1958)
		Bachelor of Medicine and Surgery (diiktiraf pada 8 Februari 1958)
	University of Chittagong: Chittagong Medical College Sylhet M.A.G. Osmani Medical College	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Dhaka: Mymensigh Medical College	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 26 Julai 1996)
	Shahjalal University of Science and Technology: Sylhet M.A.G Osmani Medical College	Bachelor of Medicine and Surgery (diiktiraf pada 26 Julai 1996)
Belgium ...		Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	Catholic University Leuven (Katholieke Universiteit Leuven)	Doctor of Medicine
	Antwerp University (Universiteit Antwerpen)	Doctor of Medicine
	State University of Ghent (Rijksuniversiteit te gent)	Doctor of Medicine
	Free University of Brussels (Vrije Universiteit Brussel)	Doctor of Medicine
Canada ...	University of Alberta Faculty Medicine	Doctor of Medicine

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Edmonton University of British Columbia School of Medicine Vancouver	Doctor of Medicine
	University of Calgary	Doctor of Medicine
	University of Manitoba Faculty of Medicine, Winnipeg	Doctor of Medicine
	Dalhousie University Faculty of Medicine, Halifax	Doctor of Medicine
	Memorial University of New Foundland	Doctor of Medicine
	Queen's University Faculty of Medicine Kingston	(M.D., C.M.)
	Universitu of Western Ontario Faculty of Medicine	Doctor of Medicine
	University of Ottawa Faculty of Medicine, Ottawa	Doctor of Medicine
	University of Toronto Faculty of Medicine, Toronto	Doctor of Medicine
	McGill University Faculty of Medicine, Montreal	(M.D., C.M.)
	University Montreal Faculty of Medicine, Montreal	Doctor of Medicine
	Laval University Faculty of Medicine, Quebec	Doctor of Medicine
	University of Saskatchewan College of Medicine, Saskatoon	Doctor of Medicine

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	College of Physicians and Surgeons, Alberta	*Member
	College of Physicians and Surgeons, Manitoba	*Member
	College of Physicians and Surgeons, Saskatchewan	*Member
	Medical Board, Newfoundland	*Licence
	Medical Board, Nova Scotia	*Licence
	Medical Council, Prince Edward Island	*Licence
China ...	Shanghai Jiao Tong University School of Medicine	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 19 Mac 2013)
	Shanghai Medical College of Fudan University	Bachelor of Medicine (Diiktiraf pada 19 Mac 2013)
		Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 19 Mac 2013)
		Doctor of Medicine (Diiktiraf pada 19 Mac 2013)
Arab Republic of Egypt ...	University of Alexandria	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Ain Shams	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Cairo	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	University of Tanta	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery

*Kelulusan-kelulusan ini diiktiraf hanya apabila diperolehi oleh seseorang yang telah lulus peperiksaan bagi Licence of the Medical Council of Canada atau peperiksaan yang bersama yang diadakan oleh Provincial College, Medical Board or Council, atau sesuatu University dalam Province itu juga.

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Mansoura University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 29 Disember 1978)
		Bachelor of Medicine and Surgery (diiktiraf pada 29 Disember 1978)
	University of Zagazig	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (diiktiraf pada 29 Disember 1978)
		Bachelor of Medicine and Surgery (diiktiraf pada 29 Disember 1978)
	Al-Azhar University	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
Hong Kong ...	University of Hong Kong	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
India ...	University of Agra: Sarojini Naidu Medical College, Agra	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 1 April 1994, tidak diiktiraf)
	University of Andhra: Andhra Medical College, Visakhapatnam	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 11 Januari 1944, tidak diiktiraf)
	Andhra Pradesh University of Health Sciences, Vijayawada: Kurnool Medical College, Kurnool	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	Andhra Pradesh University of Health Sciences, Vijayawada: Guntur Medical College, Guntur	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 1 Oktober 1961 hingga 1 Februari 1998)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Banaras Hindu University: Institute of Medical Sciences (formerly College of Medical Sciences)	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	M.S. University of Baroda: Medical College, Baroda	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 1 April 1954, tidak diiktiraf)
	Bharathidasan University, Tiruchirapalli: Thanjavur Medical College, Thanjavur	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 7 Januari 1982, tidak diiktiraf)
	University of Calcutta: Medical College, Calcutta R.G. Kar (formerly Carmichael) Medical College, Calcutta	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (antara 30 November 1924 dan 13 Mei 1928 dan antara 24 Februari 1930 dan 15 Oktober 1936, tidak diiktiraf)
	*Nil Ratan Sarkar (formerly Campbell) Medical College, Calcutta Calcutta National Institute (formerly National Medical Institute), Calcutta Lake Medical College, Calcutta	
	University of Dibrugarh: Assam Medical College, Dibrugarh	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 21 Mei 1952, tidak diiktiraf)
	Devi Ahilya Vishwavidyalaya: Mahatma Gandhi Memorial Medical College, Indore (formerly University of Indore)	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 26 Januari 1983, tidak diiktiraf)

*CATATAN—Sekarang ini tidak bergabung dengan Universiti Calcutta.

*Negara tempat
diberikan kelulusan*

*Nama Institusi yang
memberikan kelulusan*

Perihal kelulusan

University of Madras:
Jawaharlal Institute of
Postgraduate Medical
Education and Research
(formerly known as Medical
College (Jawaharlal
Institute) Pondicherry)

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery

Maharshi Dayanand
University, Rohtak:
Medical College, Rohtak

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery

Mangalore University:
Manipal Academy of Higher
Education (MAHE), Kasturba
Medical College, Mangalore,
Kasturba Medical College,
Manipal

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(sebelum Julai 1981, tidak
diiktiraf)

University of Mysore:
Kasturba Medical College
Mysore Medical College

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(sebelum 1 Januari 1949,
tidak diiktiraf)

University of Nagpur:
Medical College, Nagpur

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(sebelum 1 September 1953,
tidak diiktiraf)

Osmania University: Ghandi
Medical College, Hyderabad
Osmania Medical College,
Hyderabad

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(sebelum 16 Ogos 1951,
tidak diiktiraf)

Panjab University:
Amristar Medical College
Christian Medical College,
Ludhiana

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(sebelum 1 Januari 1948,
tidak diiktiraf)

University of Poona:
B.J. Medical College, Poona

Bachelor of Medicine and
Bachelor of Surgery
(Diiktiraf pada 15 Januari
1971 hingga 9 Jun 1998)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	University of Rajasthan: Sardar Patel Medical College, Bikaner Sawai Man Singh Medical College, Jaipur	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 1 September 1953, tidak diiktiraf)
	Ravindranath Tagore Medical College, Udaipur	
	University of Utkal: S.C.B. Medical College, Cuttack	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (sebelum 15 November 1951, tidak diiktiraf)
	College of Physicians and Surgeons, Bombay: Medical Colleges shown under the University of Bombay	Member (sebelum 1 Mei 1944, tidak diiktiraf)
	State Medical Faculty of West Bengal: Medical Colleges shown under the University of Calcutta	Member (sebelum 1 September 1953, tidak diiktiraf)
	S.S. Institute of Medical Sciences & Research Centre (SSIMSRC)	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 12 Julai 2012)
	N.T.R. University of Health Sciences: Guntur Medical College, Guntur	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 2 Februari 1998)
	Maharashtra University of Health Sciences, Nashik: B.J. Medical College, Poona	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (Diiktiraf pada 10 Jun 1998)
	Karnataka University, Dharwad: Jawaharlal Nehru Medical College, Belgaum	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Rajiv Gandhi University of Health Sciences, Bengaluru: Jawaharlal Nehru Medical College, Belgaum	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	KLE Academy of Higher Education and Research: Jawaharlal Nehru Medical College yang dahulunya dikenali sebagai KLE University, Belagavi: Jawaharlal Nehru Medical College, Belgaum	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Rajiv Gandhi University of Health Sciences, Karnataka: Yenepoya Medical College, Mangalore Yenepoya (disifatkan sebagai Universiti): Yenepoya Medical College, Mangalore (dahulunya dikenali sebagai Yenepoya University: Yenepoya Medical College, Mangalore)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Rajiv Gandhi University of Health Sciences, Karnataka: K.S. Hedge Medical Academy, Mangalore Nitte (disifatkan sebagai Universiti): K.S. Hegde Medical Academy, Mangalore (dahulunya dikenali sebagai Nitte University: K.S. Hegde Medical Academy, Mangalore)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Rajiv Gandhi University of Health Sciences, Karnataka: JJM Medical College, Davangere	Sarjana Muda Perubatan & Sarjana Muda Pembedahan (diiktiraf pada 21 Januari 2008)

<i>Negara tempat diberikan kelulusan</i>	<i>Nama Institusi yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	Krishna Institute of Medical Sciences (disifatkan sebagai Universiti), Karad: Krishna Institute of Medical Sciences, Karad (dahulunya dikenali sebagai Krishna Institute of Medical Sciences disifatkan sebagai Universiti, Karad: Krishna Institute of Medical Sciences, Karad)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Sri Devaraj Urs Academy of Higher Education and Research: Sri Devaraj Urs Medical College, Kolar (dahulunya dikenali sebagai Sri Devaraj Urs University: Sri Devaraj Urs Medical College, Kolar)	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan
	Vinayaka Mission's Research Foundation (disifatkan sebagai Universiti), Salem (dahulunya dikenali sebagai Vinayaka Missions University, Salem): Vinayaka Missions Kirupananda Variyar Medical College, Salem	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	Vinayaka Mission's Research Foundation (disifatkan sebagai Universiti), Salem (dahulunya dikenali sebagai Vinayaka Missions University, Salem): Aarupadai Veedu Medical College, Pondicherry	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery
	Vinayaka Mission's Research Foundation (disifatkan sebagai Universiti), Salem (dahulunya dikenali sebagai Vinayaka Missions University, Salem): Vinayaka	Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery

*Negara tempat
diberikan kelulusan*

*Nama Institusi yang
memberikan kelulusan*

Perihal kelulusan

Missions Medical College,
Pondicherry

University of Kerala: Medical
College, Calicut (dahulunya
dikenali sebagai University of
Kerala: Medical College,
Calicut Trivandrum Medical
College)

Kerala University of Health
Sciences: Government
Medical College,
Thiruvananthapuram
(dahulunya dikenali sebagai
University of Kerala: Medical
College, Calicut Trivandrum
Medical College)

Indonesia ...

Fakulti Kedokteran, Universiti
Indonesia, Djakarta

Ijazah Kedokteran (M.D.)

Fakulti Kedokteran,
Airlangga Universiti,
Surabaya, Indonesia

Ijazah Kedokteran (M.D.)

Universitas Diponegoro
Semarang

Doctor of Medicine

Universitas Padjadjaran,
Bandung

Ijazah Kedokteran (M.D.)

Universitas Gadjah Mada,
Jogjakarta

